

26 JAN 1999

Mahkamah-Anwar

ANWAR SAMAN SUN MEDIA 100 JUTA

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan saman malu terhadap Sun Media Corporation Sdn Bhd menuntut ganti rugi sebanyak RM100 juta berhubung dengan satu artikel yang disiarkan oleh akhbaranya.

Writ saman itu difailkan oleh Tetuan Karpal Singh & Co di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi, Wisma Denmark di sini pada pukul 2.49 petang ini.

Anwar mendakwa syarikat itu telah menyiarkan satu artikel yang mengandungi fitnah terhadapnya pada keluaran 23 Sept 1998 akhbar The Sun.

Dalam samannya itu, Anwar juga memohon perintah mahkamah menghalang The Sun Media Corporation yang sebelum ini dikenali sebagai Sun Media Group Sdn Bhd dan pengarah-pengarahnya, kakitangan dan/atau agennya daripada terus menyiarkan fitnah berkenaan atau yang sama dengannya ke atasnya.

Beliau juga menuntut faedah kepada jumlah itu, kos dan pembayaran lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Anwar, 51, yang disingkir dari kerajaan pada 2 Sept tahun lepas sedang menghadapi empat tuduhan rasuah dan lima tuduhan meliwat. Perbicaraan empat tuduhan rasuah ke atasnya itu bersambung hari ini selepas Mahkamah Tinggi menangguhkannya pada 15 Jan di atas permintaan peguamnya dan juga sempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Hadir di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi itu ialah peguam Karpal Singh, Gobind Singh Deo dan K. Manoharan.

Bercakap kepada pemberita di luar pejabat itu, Karpal berkata saman yang dikemukakan hari ini itu adalah sebagai susulan kepada saman terhadap Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad yang difailkan semalam juga menuntut ganti rugi RM100 juta.

Dalam samannya terhadap Dr Mahathir Anwar mendakwa Perdana Menteri mengeluarkan perkataan-perkataan menghina pada satu sidang berita pada 2 Sept tahun lepas dan berikutan itu perkataan-perkataan itu disiarkan sekali lagi oleh majalah berita antarabangsa, Newsweek, pada 5 Okt tahun lepas.

Sementara itu dalam satu kenyataan akhbar Karpal meminta Mahkamah Persekutuan membuat keputusan secepat mungkin berhubung dengan kes yang mana wartawan, M.G.G Pillai, dan enam yang lain merayu supaya diketepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang memerintahkan mereka membayar ganti rugi sebanyak RM10 juta kepada Tan Sri Vincent Tan kerana memfitnah.

"Bagi memastikan ketentuan dalam undang-undang berhubung dengan kuantum dalam kes-kes saman malu, saya meminta Mahkamah Persekutuan memberi keputusannya secepat mungkin supaya akan ada garis atur athoritatif mengenai perkara itu oleh mahkamah tertinggi di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

ja WAT